

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM

TARIKH : 12 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 74

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kajian semula terhadap cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim seperti yang dilaporkan oleh portal akhbar 'The Edge Markets' dengan tajuk 'MOT to review Kulim International Airport' pada 2 Julai 2019.

JAWAPAN:

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengumumkan persetujuan berhubung cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) melalui kaedah pelaburan swasta. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih di peringkat awal dan sedang melalui proses-proses yang berkaitan sebelum ia dilaksanakan.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengangkutan yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 24 Januari 2019 telah memutuskan supaya kertas cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

3. MPFN akan meneliti cadangan pembinaan KXP ini dan akan mengemukakan nasihat berkaitan seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan 2017). Kementerian Pengangkutan seterusnya akan mempertimbangkan permohonan pembinaan KXP setelah mengambil kira nasihat daripada MPFN tersebut. Mengikut makluman awal daripada Kerajaan Negeri Kedah, pembinaan KXP ini akan dilaksanakan secara pembiayaan swasta dan tidak melibatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.